



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
USTAZ NIK ABDUL RAHMAN ZAKI BIN NIK ABDUL KADIR
PENULIS KALIGRAFI ISLAM (KHAT)**

OLEH:

AHMAD NADIM NAJMI BIN FAIZAL	2022464266
MUHAMMAD SHAMIERUL MUIZ BIN ABDUL KARIM	2022844914

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKTOBER 2023 – FEBRUARI 2024)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
USTAZ NIK ABDUL RAHMAN ZAKI BIN NIK ABDUL KADIR
PENULIS KALIGRAFI ISLAM (KHAT)

OLEH:

AHMAD NADIM NAJMI BIN FAIZAL	2022464266
MUHAMMAD SHAMIERUL MUIZ BIN ABDUL KARIM	2022844914

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKTOBER 2023 – FEBRUARI 2024)

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	4
ABSTRAK.....	5
SENARAI ABREVIASI.....	6
RUJUKAN KATA.....	7
BIODATA PENEMU BUAL.....	1
PENEMUBUAL 1.....	1
PENEMUBUAL 2.....	1
BIODATA TOKOH.....	3
PENGENALAN.....	5
TRANSKRIP.....	7
LAMPIRAN.....	49
LOG WAWANCARA.....	51
DIARI KAJIAN.....	57
SENARAI SOALAN.....	60
GLOSSARI.....	66
GAMBAR.....	70
INDEKS.....	76

PENGHARGAAN

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, kami dapat menyiapkan laporan ini tepat pada waktunya. Kami juga ingin memberikan penghargaan khusus kepada pensyarah IMR604 kami, Puan NurulAnnisa binti Abdullah, atas bimbingan dan nasihat berharga yang diberikan sepanjang tugas ini. Beliau telah menginspirasi kami untuk bekerja keras dalam menyelesaikan tugas projek berpasangan ini. Selain itu, kami ingin berterima kasih kerana beliau telah memudahkan urusan pelajar dengan memberikan contoh-contoh yang berkaitan dengan tugas ini sebagai panduan dan rujukan untuk menyelesaikan tugas ini.

Selanjutnya, kami juga ingin mengungkapkan penghargaan kami kepada Universiti Teknologi Mara (UiTM) kerana menyediakan kami dengan persekitaran yang baik dan kemudahan melalui pelbagai platform di internet untuk menyiapkan tugas ini. Selain itu, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakan kami kerana mereka membantu kami dengan mengajar bahagian-bahagian tertentu yang kami tidak begitu fahami sehingga kami dapat melakukannya sendiri. Tidak lupa kepada kedua ibu bapa kami yang memberikan kami kekuatan dan sokongan yang tiada henti dengan menyediakan kemudahan-kemudahan untuk menyelesaikan tugas ini.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua orang yang terlibat dalam projek tugas ini. Tanpa mereka, tugas ini tidak dapat diselesaikan dengan betul mengikut keperluan yang diperlukan. Semoga Allah S.W.T memberkati semua pihak yang terlibat.

ABSTRAK

Temubual eksklusif bersama Ustaz Nik Abdul Rahman Zaki Bin Haji Nik Abdul Kadir, pengasas Galeri Khat dan Grafik, merakam sejarah lisan tokoh ini dalam bidang seni kaligrafi. Ustaz Nik Abdul Rahman Zaki berkongsi dengan jelas latar belakang, pengalaman hidup, dan perjalanan uniknya dalam seni kaligrafi. Temubual ini juga mengungkap bagaimana beliau meraih gelaran Ustaz dan peranan penting isterinya dalam menyokong kariernya. Ustaz Nik Abdul Rahman Zaki memaparkan pencapaiannya yang gemilang sebagai penulis khat antarabangsa, termasuk pengalaman beliau sebagai penilai buku Jawi di Dewan Pustaka dan Pustaka, penceramah khat untuk guru-guru Khat JAPIM, dan penulis buku teks khat di bawah Yayasan Islam Negeri Kelantan. Beliau mencapai kejuaraan sebanyak tujuh kali dari peringkat sekolah hingga antarabangsa, menunjukkan dedikasinya dalam mengangkat martabat seni khat. Temubual ini memberikan gambaran komprehensif mengenai perjalanan inspiratif Ustaz Nik Abdul Rahman Zaki, yang tidak hanya meninggalkan kesan dalam dunia seni khat Malaysia tetapi juga di peringkat antarabangsa. Penghargaan dan jasa beliau terhadap warisan budaya seni tulisan Jawi adalah sumbangan yang luar biasa, memberi inspirasi kepada generasi akan datang untuk terus memartabatkan seni dan budaya Malaysia.

Kata kunci: Kaligrafi Islam, penubuhan galeri, cabaran, pendidikan, pemeliharaan budaya.

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
KDN	Kementerian Dalam Negeri
USM	Universiti Sains Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia

RUJUKAN KATA

Blako	Semua
Meme	Memang
Apodio	Apadia
Kalu	Kalau
Ngaji	Belajar
Dio	Dia
Hoktu	Yang itu
Gapo	Apa
Koho	Makin
Bui	Bagi
Sano	Sana
Gi	Pergi
Dale	Dalam
Jah	Saja
Mace-mace	Macam-macam
Molek	cantik/ sangat
Bubuh	letak
Maghi	Datang
Ore	Orang
Gini la	Macam ini

Napok	Nampak
Buh	Letak
Gak	juga

BIODATA PENEMU BUAL

PENEMUBUAL 1



NAMA	AHMAD NADIM NAJMI BIN FAIZAL
NOMBOR MATRIK	2022464266
NOMBOR TELEFON	
EMEL	
PROGRAM	SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEPUJIAN) PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (CDIM 245)

PENEMUBUAL 2



NAMA	MUHAMMAD SHAMIERUL MUIZ BIN ABDUL KARIM
NOMBOR MATRIK	2022844914
NOMBOR TELEFON	
EMEL	
PROGRAM	SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEPUJIAN) PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (CDIM 245)

BIODATA TOKOH



NAMA	USTAZ NIK ABDUL RAHMAN ZAKI BIN HAJI NIK ABDUL KADIR
TARIKH LAHIR	
UMUR	50 TAHUN
TEMPAT LAHIR	, KOTA BHARU, KELANTAN
NO TELEFON	
PROFESSION	PENULIS PROFESIONAL KALIGRAFI ISLAM DAN PENGASAS GALERI KHAT DAN GRAFIK

PENGENALAN

PENGENALAN

Seni khat, atau lebih dikenali sebagai kaligrafi Islam, memainkan peranan penting dalam menyampaikan nilai agama dan spiritual dalam budaya Islam. Ia juga merupakan satu jenis seni visual yang menakjubkan. Karya seni yang menggunakan huruf Arab dengan cara yang estetik dan artistik memukau mata dan mempunyai makna yang mendalam. Sejarah seni khat ini sangat kaya, dan ia mencerminkan kepelbagaian budaya Islam dari zaman ke zaman. Pelbagai jenis khat digunakan dengan tujuan tertentu, memberikan setiap karya unik dan keindahan tersendiri. Kejayaan dalam pembelajaran seni khat bergantung pada kesabaran dan latihan berterusan. Guru yang mahir adalah penting dalam mengajar dan menyebarkan warisan seni khat kepada generasi seterusnya.

Kerajinan, latihan berterusan dan pengalaman yang mendalam adalah penting untuk berjaya dalam bidang ini. Seni khat bukan sahaja bidang seni visual; ia turut memainkan peranan penting dalam Al-Quran, hiasan seni bina, dan pelbagai karya seni visual yang berkaitan dengan Islam. Oleh itu, seni khat mempunyai nilai keagamaan dan budaya yang mendalam, selain daripada menjadi satu gaya seni visual yang menakjubkan. Seni khat menyampaikan keindahan dan makna yang menyentuh jiwa melalui setiap garisan dan lengkungan hurufnya, menjadikannya warisan yang berharga bagi kebudayaan Islam.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni kaligrafi iaitu khat. Bersama-sama kami ialah Ustaz Nik Abdul Rahman Zaki Bin Nik Abdul Kadir yang merupakan seorang pemilik kepada Galeri Khat Dan Grafik di Kota Bharu, Kelantan. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 18 December 2023 bersamaan dengan hari Isnin pada pukul 2 petang bertempat galeri khat dan grafik di Kota Bharu, Kelantan. Temubual ini dikendalikan oleh Ahmad Nadim Najmi Bin Faizal dan Muhammad Shamierul Muiz Bin Abdul Karim. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk

UN: Ustaz Nik Abdul Rahman Zaki
MSM: Muhammad Shamierul Muiz
ANN: Ahmad Nadim Najmi

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

MSM : **Boleh kami tahu nama penuh Ustaz?**

UN : Bismillahirrahmanirrahim, nama saya Nik Abdul Rahman Zaki bin Nik Abdul Kadir. Berasal dari Kampung Pasir Pekan, Tumpat, Kelantan.

MSM : **Berapakah umur Ustaz pada tahun ini?**

UN : Umur sekarang 50.

MSM : **Bagaimana Ustaz mendapat gelaran sebagai Ustaz?**

UN : Saya memang Ustaz. Saya mengajar.

MSM : **Oh mengajar.**

UN : Belajar di Mesir dan balik mengajar di sekolah arab di Maahad Muhammadi Tumpat. Saya di masjid pun saya mengajar, itu yang ada gelaran Ustaz tu [itu] (ketawa).

MSM : **Boleh kami tahu nama isteri Ustaz?**

UN : Isteri nama Farhanah Muhammad Fauzi.

MSM : **Dimanakah Ustaz dilahirkan?**

UN : Lahir di Pasir Pekan

MSM : **Pasir Pekan (sambil menulis).**

MSM : **Dimanakah Ustaz menetap sekarang?**

UN : Di Pasir Pekan juga.

MSM : **Pasir Pekan juga.**

MSM : **Apakah nama Ibu bapa Ustaz?**

UN : Nama Ibu . Bapa .

MSM : **Berapakah bilangan adik beradik Ustaz?**

UN : Ada lima adik beradik.

MSM : **Lima.**

MSM : **Ustaz merupakan anak yang ke berapa di antara adik-beradik Ustaz?**

UN : Anak yang kedua.

MSM : **Adakah adik beradik Ustaz tinggal di kawasan sekitar atau di negeri lain sekarang?**

UN : Banyak yang tinggal di rumah ayahlah.

MSM : **Berapakah bilangan anak Ustaz?**

UN : Anak enam.

MSM : **Adakah anak-anak Ustaz masih belajar?**

UN : Ada yang belajar. Ada yang bekerja dah [sudah].

MSM : **Berapakah anak Ustaz yang masih belajar?**

UN : Lima. *Sorang* [seorang] baru bekerja.

MSM : **Apakah pekerjaan anak Ustaz yang bekerja itu?**

UN : Dia kerja business online [perniagaan dalam talian].

ANN : **Macam Ustaz?**

UN : Dia sendirian (ketawa). Dia jual-jual barang-barang.

MSM : **Bilakah Ustaz berkahwin dengan isteri Ustaz?**

UN : 15 hari bulan 8 tahun 98 [15/8/1998].

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN TOKOH

MSM : **Di manakah Ustaz bersekolah rendah dahulu?**

UN : Sekolah Rendah Pasir Pekan.

MSM : **Pasir Pekan (sambil menulis di kertas)**

MSM : **Mata pelajaran apakah yang Ustaz minat semasa sekolah rendah?**

UN : Mata pelajaran?

MSM : **Bagi satu je [sahaja].**

UN : Tak tahulah minat *apodia* [apa dia] dulu.

ANN : **(Ketawa). Tak belajarlah.**

UN : Tak ingat, belajar ni [ini] minat *belako* [semua] (ketawa) belajar *jelah* [sajalah].

MSM : **Ustaz sekolah menengah dimana?**

UN : Maahad Muhammadi Pengkalan Chepa.

MSM : **Adakah Ustaz masih mengingati guru-guru yang telah mengajar Ustaz di sekolah menengah?**

UN : Ada, *meme* [memang] ingatlah.

MSM : **Adakah Ustaz mempunyai rakan karib semasa berada di sekolah menengah dan sekarang masih berhubung dengan beliau?**

UN : Ya. Masih berhubungan.

MSM : **Adakah Ustaz aktif dalam bidang kesukanan semasa di sekolah rendah dan menengah? Jika ya, apakah sukan tersebut?**

UN : Sukan tak aktif mana. Persatuan banyaklah. *Kalu* [kalau] sukan ni (tersengih) tak itu *mano* [merujuk kepada tidak aktif].

ANN : **Kurangla?**

UN : (mengangguk kepala)

MSM : **Tahun berapakah Ustaz tamat pengajian di peringkat sekolah?**

UN : Sekolah menengah 2000. 2000 *pulok doh* [pulang dah] *Ngaji* [belajar] Mesir tu [itu] habis 2003. Balik Malaysia 2003, 91-92 *gitulah* [begitulah] [merujuk kepada tahun 1992].

ANN : **Adakah kenangan manis yang Ustaz tidak boleh lupa semasa di peringkat sekolah menengah?**

UN : Kenangan? [tersengih] kenangan bentuk apa dia tu [itu]?

ANN : **Kenangan manis.**

MSM : **Dengan rakan-rakan ikutlah.**

ANN : **Tak kisahlah, kenangan yang paling bermakna bagi ustaz (tersenyum).**

MSM : **Mungkin belajar dengan cikgu ke.**

UN : Yang tu [itu] tak ingat (tersenyum).

MSM : **Apakah cita-cita Ustaz semasa di zaman persekolahan?**

UN : Cita-cita?. Cita-cita saya ni [ini] (tersengih) cita-cita tidak ada cita-cita *jugok* [juga] hanya *sekodar* [sekadar] minat-minat gitu jela [sahajalah]. Saya takde [tidak ada] cita-cita sangat pun. Kalau *target* [tujuan]- lah, kalau orang ada cita-cita kan dia ada *target* [tujuan]. *Hoktu* [yang itu] nak jadi doktor, *dio*[dia] akei [akan] masuk alirei [aliran] Sains *gapo* [apa-apa] *sayo* [saya] *takdokla* [tidak ada].

MSM : **Seperti yang diberitahu sebelum itu, boleh Ustaz beritahu satu contoh persatuan yang Ustaz aktif pada zaman persekolahan?**

UN : Persatuan seni khat lah.

MSM : **Seni khat?**

UN : (mengangguk kepala)

MSM : **Selepas tamat zaman persekolahan, dimanakah Ustaz menyambung pelajaran?**

UN : Di Mesir. Di Universiti Al-Azhar.

MSM : **Apakah tahap tertinggi dalam sejarah pelajaran Ustaz?**

UN : Ijazah (mengangguk kepala)

MSM : **Ijazah. (menulis di kertas)**

MSM : **Apakah jurusan yang Ustaz pilih?**

UN : Bahasa Arab.

MSM : **Bahasa Arab (sambil menulis di kertas)**

UN : Di samping ambil diploma seni khat lah di sana.

MSM : **Boleh Ustaz ceritakan serba sedikit perjalanan Ustaz sebagai pelajar?**

UN : Yelah [iyalah] belajar ni [ini] memang dari segi. minat hobi saya ni [ini] *meme* [memang] menulis khat ni [ini] secara dari umur 10 tahun lagi. Sekolah *rendoh* [rendah] lagi minat *nyo* [nya]. Minat jurusan tadi *ore* [orang] panggil bila kita pergi ke Maahad tadi ni [ini], dia ada satu subjek seni khat (mengangguk kepala), dan dari situlah saya pun jadi bertambah *koho* [makin] lagi minat, jumpa dengan guru *sayo* [saya] tadi tu *hok* [yang] dia bagi jalan, *jale* [jalan] untuk belajar seni khat ni

[ini] bagi buku panduan *apo* [apa]. Jadi, daripada buku panduan itulah saya latihan *nyo* [nya]. Saya berlatih-berlatih-berlatih. Bermakna benda tu [itu] dia, dulu ni [ini] takde kelas-sekelas ni [ini] takde sangat. Orang yang pandai-pandai pon takde [tiada] sangat. Jadi kita tanya melalui buku lah, melalui contoh buku dan ayah saya sendiri pon *memey* [memang] pandai menulis khat *jugok* [juga]. Kemudian dia sebagai tempat rujukan saya lah. Saya tunjuk apa, saya tunjuk dia, dia tengok itu apa. Jadi gitu lah [begitulah] maknanya apabila saya terlibat dalam apa pertandingan-pertandingan semua. Dulu ada banyak juga pertandingan peringkat kebangsaan di Kuala Lumpur, kemudian di peringkat Asean di Brunei. Jadi *hok* [itu] yang tingkatan 5 saya masuk yang di Brunei ni [ini] hantar karya *sano* [sana], menang tempat pertama di Brunei tadi tu [itu] (bunyi notifikasi telefon). Dapat pergi Brunei lah (sambil tersenyum dan menunjuk jari), tingkatan 5 *masotu* [ketika itu] *gi* [pergi] *sorang-sorang* [seorang diri] (ketawa).

MSM : **Oh Brunei.**

UN : Jadi, situlah menambahkan lagi minat saya lagilah. Minat tadi tu [itu] mendalami seni khat jadi *lepas tulah* [selepas itulah] tingkatan 5, tingkatan 6 (menarik nafas). Saya pergi ke Mesir tadi tu [itu] kerana ada lah Ustaz-ustaz saya sebelum ini beritahu di Mesir ni [ini] boleh kita nak sambung lagi pengajian seni khat di sana. Jadi saya pergi sana, saya pergi cari tu [itu] saya pergi carilah sekolah khat (ketawa).

ANN : **Banyakkah sekolah khat di Mesir ketika itu?**

UN : Dia memang ada, disana dia ada menawarkan diploma seni khat-lah. Jadi saya pergilah. *Tepat* [tempat] tadi tu [itu] pergi masuk belajar banyak tahun juga, *dale* [dalam] 4 tahun lah [juga] belajar (mengangguk kepala). Dapat diploma kemudian sambung lagi 2 tahun lagi, 6 tahun semua belajar. Di samping kuliah ni [ini] kita belajar kuliah ijazah yang bahasa Arab tadi tu [itu]. Kelas seni khat ni [ini] (sambil

buat reaksi tangan) dia sampingan *jah* [saja] sebelah petang, dia 2 jam sehari. Tapi, apabila belajar 4 tahun ni [ini] *buleh* [boleh] sijil diploma. Belajar 2 jam sehari *je* [sahaja].

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL TOKOH

MSM : Apakah pekerjaan pertama Ustaz selepas tamat belajar?

UN : Mengajar lah.

MSM : Mengajar?

UN : Mengajar (mengangguk kepala).

MSM : Bilakah Ustaz mendapatkan pekerjaan yang pertama?

UN : Lepas balik 2 minggu, 2003. Saya balik 2003, balik 2 minggu lepastu [selepas itu] dapat tawaran, keluar borang semua, terus mengajar.

MSM : Adakah terdapat sokongan dan dorongan dari ahli keluarga untuk memilih pekerjaan tersebut?

UN : Biasalah kalau takde kerja lain dah bila saya balik [merujuk kepada pekerjaan sebagai guru] memang saya belajar di Mesir (tersenyum) memang itulah tempat dia. Mengajar di sekolah arab tu [itu].

MSM : Berapa lamakah Ustaz dalam pekerjaan tersebut?

UN : Dalam 7 tahun sahaja. 7 tahun saya mengajar.

MSM : **Ustaz ada terlibat dengan pekerjaan lain ke selain pekerjaan tadi ?**

UN : Iyalah [betullah], selepas itu saya keluar tadi, saya keluar atas dasar USM Pulau Pinang dia tawar kepada saya projek menulis Al-Quran (mengangguk). Jadi dia tawar kepada saya, makna *kalu* [kalau] Ustaz setuju, Ustaz akan bekerja bawah dia, kontrak. Jadi saya terima lah projek tadi tu [itu]. Jadi kerjanya *staff* [pekerja] USM (Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang) tetapi kerjanya menulis Al-Quran sahaja (tersenyum). Bukan mengajar apa *takdok* [tiada], menulis je [sahaja].

ANN : Menulis, mengeluarkan (sambil menerima kertas daripada Shamierul Muiz [MSM]).

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: KERJAYA SEMASA TOKOH

(BIDANG SENI KHAT)

ANN : **Berapakah jenis khat?**

UN : Khat ni [ini] banyak jenis ada. Tapi yang masyhur ataupun yang biasa digunakan ada dalam empat, lima jenis khat lah. Lima, enam jenis khat tu [itu] je [sahaja] yang digunakan. Jadi yang lain-lain tu [itu] , banyak khat yang tidak digunakan lah. Pada malaysia ni [ini], yang masyhurnya tiga jenis khat je [sahaja] nasakh, khat ruq'ah, thuluth. Kemudian dia ada diwani, farisi, kufi, dia macam-macam ada banyak la. Tapi itu jarang-jarang. Yang biasanya tu [itu] nasakh, ruq'ah je [sahaja] yang paling biasa ataupun thuluth. Tiga je [sahaja] yang biasanya.

ANN : **Bagaimana proses terciptanya gaya-gaya khat dalam seni tulisan, dan apakah faktor yang mempengaruhi perkembangannya?**

UN : Terciptanya satu benda ni [ini] dia kena [perlu] ada sebab dia. Mungkin ada sebab tertentu. Maknanya, setiap jenis khat ni [ini] dia ada sejarah-sejarah dia macam mana [bagaimana] tercipta. Kalau kita nak tahu macam mana [bagaimana] tercipta, kita pun tak tahu macam mana [bagaimana], tiba-tiba muncul. Tapi ada lah jenis-jenis khat tertentu tadi tu [itu], dia muncul tadi tu [itu] dengan atas dasar keperluan seperti khat ruq'ah ni [ini]. Khat ruq'ah ni [ini] di zaman kerajaan Uthmaniah Turki ni [ini] dia adalah tulisan, menjadi *tulisey* [tulisan] pegawai, kerani-kerani *kerajaey* [kerajaan] ni [ini].

ANN : **Tulisan khusus?**

UN : Tulisan khusus kerajaan, kerani. Kerana apa? Kerana ciri-ciri khat ruq'ah ni [ini] adalah tulisan cepat. Dia boleh tulis cepat. Maknanya tulis *dio tu* [dia itu] antara ciri

cepat dia iaitu *huruf* [huruf] tadi tu [itu] dengan titik tadi tu [itu] bersambung, *dio* [dia] bersambung. Bila tulis titiknya bersambung kan dia cepatlah.

ANN : **Berangkai la?**

UN : Haa [ya] berangkai, dia jadi berangkai walaupun kita tulis __ sambung- sambung sambung, jadi cepat. Jadi tu [itu] antaranya contoh. Maknanya atas dasar *karno* [kerana] apa? Ada keperluan. Sebelum tadi tu [itu], sebelum tercipta tulisan ini, *dio* [dia] tidak ada satu, satu tulisan yang khusus lah. Pegawai ni [ini] macam-macam *dio guno* [dia guna] tulisan. Jadi apabila kerajaan tadi tu [itu] melihat adakah nak seragamkan satu tulisan ataupun satu kata *font* [huruf] lah. Nak selaras, nak *standard* [tahap] kan, tulisan pegawai ni [ini] ditetapkan maknanya tulisan khat ruq'ah ni [ini] adalah tulisan bagi pegawai. Dan sekarang ni [ini] masih *digunakey* [digunakan] mana kalau orang-orang Arab apa dia nak salin, dia nak menulis kan, nota-nota ko *apo* [ke apa], dia akan gunakan khat ruq'ah ini (bunyi notifikasi telefon) . Tulisan tu [itu] tulisan cepat berbanding khat nasakh, berbanding khat thuluth *apo* tu [apa itu]. Itu *tulisey* [tulisan] *lambak-lambak* [lambat-lambat]. Kerana *mace-mace* [macam-macam] la. Dia ada baris, ada *bungo* [bunga]. Khat ruq'ah ni [ini] dia tak ada ada *baghah* [baris] ada bunga dan titik dia sendiri tu [itu] dia bersambung dengan segala badan dia tadi tu [itu] dengan *huruf* [huruf] dia sendiri.

ANN : **Daripada mana asal-usul gaya-gaya khat dalam seni khat, dan adakah ia berkait dengan kebudayaan atau agama tertentu?**

UN : Saya rasa takdala [tiadalah], *Karno* [kerana] sejarah tadi tu [itu] dia tak [tidak] berkait dengan agama. Yelah [iyalah] pasal benda ni [ini] dia muncul kerna

[kerana] agama islam la. Jadi apabila agama islam, betullah dia ada kait lah dengan agama tadi tu [itu]. memang tulisan arab ni [ini] apabila Al-Quran ada, maka *ore* [orang] ramai ni [ini] menulis Al-Quran, salin Al-Quran nak mencantikkan *qur e* [Al-Quran] sebagai untuk memuliakan Al-Quran dari tu [itu], maka disitu dia terhasil macam-macam *rekaey* [rekaan] tadi tu [itu], tulisan-tulisan tadi. Kerana tadi itulah [itulah], kerana Al-Quran-lah. Sebenarnya, bahasa arab ni [ini] sebenarnya *katu tidok* [kalau tidak] dia takkan [tidak akan] jadi hebat. Tapi pasal hebat dia tadi ni [ini] ataupun ramai orang yang nak kena [perlu] belajar tadi tu [itu] kerana Al-Quran lah. Saya sendiri pon [juga] saya ambik [ambil] bahasa arab tadi tu [itu] kerana khat lah, kerana Al-Quran lah (tersenyum).

ANN : **Berkaitlah?**

UN : Haa [ya], pasal [sebab] berkait lah. Itulah, saya tengok orang yang nak pandai khat ni [ini] ataupun nak menulis khat ni [ini] dia *memey keno* [memang perlu] pandai bahasa arab. Barulah dia dapat tulis [menulis] dengan baiklah, kalau tidak dia akan tulis hentam sajalah [ala kadar sahaja]. Tak tahu betul ke *tidok* [tidak] betul ke tak [tidak] tadi tu [itu]. Jadi kita bila kita tahu bahasa arab apa kita akan tulis *berdasarkey* [berdasarkan] ilmu yang kita tahulah. Barulah betul tulisan kita tu [itu]. Banyak sekarang ni [ini] yang berlaku, orang *taip apo* [menulis apa]. Bila [apabila] kita tanya, cina pon boleh *taip* [tulisi] *hurup* [huruf] *deh* [kan]. Dia taip taip [tulisi tulisi tulisi], *translate* [terjemah]. Tapi dia tak [tidak] tahu betul ke tidak betul. Pasaipa [sebab apa]? Kerana dia tidak ada ilmu. *Meme* [memang] dia ada kaitanlah, ada *kaite* [kaitan]. Cuma jenis-jenis khat tadi tu dia tak [tidak] ada kaitan khusus, takdela [tidak ada]. Tapi dari segi bahasa arab sendiri. Maka tercipta khat tadi tu [itu] kerana Al- quran tadi.

ANN : **Sebab Al-Quran sebab utama dia?**

UN : Haa [ya], sebab utama kalau orang nak *mencantikkey* [mencantikkan]---

ANN : **Apakah jenis khat yang paling diminati dan banyak orang berminat untuk mempelajarinya?**

UN : Dia bergantung pada seseorang tadi tu [itu]. kalau seseorang tadi tu *memey* [itu memang] dia nak menulis Al-Quran, dia akan cari khat nasakh. Kerana apa? Khat nasakh ni tulisan yang *jelah* [jelas] *molek* [sangat]. Tapi kalau orang-orang ni [ini] belajar tadi tu karena untuk buat hiasan, hiasan di masjid *ko* [ke] ataupun di dinding-dinding. Maka dia akan menggunakan khat thuluth. Kerana khat thuluth tadi ni [ini] dia ada baris-baris *dio* [dia]. Bila kita *bubuh* [letak] susunan *dio* [dio] tu [itu] cantik *molek* lah [kemas dan cantik]. Jadi dia bergantung kepada minat tadi tu [itu], bergantung pada seseorang tulah [itulah] macam mana dia nak gunakan.

ANN : **Apakah ada perbezaan ketara antara gaya khat yang digunakan dalam penulisan jawi dan penulisan Arab?**

UN : Dio *tulisey* [dia tulisan] jawi melayu ni [ini] muncul hasil daripada tulisan khat arab lah. Kalau takda [tiada] tulisan khat arab, takdalah [tiada lah] tulisan khat jawi ni [ini]. Masuk islam ni [ini] melalui pedagang orang arab *sano* [sana], orang arab belayar *maghi* [datang] sini berdagang, jadi dio *bawoklah* [bawalah] tulisan-tulisan tadi tu [itu], dan kitab-kitab lama yang dia salin tadi tu [itu] pon, apabila orang yang mengkaji tadi tu [itu], *meme* [memang] *disano* [disana] memang ada *banyak* [banyak] persamaan tadi tu [itu] dengan tulisan sana lah, tulisan arab. Jadi, tulisan jawi ni [ini] memang tidak lari dah [sudah], cuma yelah [iyalah] apabila benda tadi tu [itu], tulisan dia masuk tempat kita mesti dia ada identiti kita sendiri lah. *Sebagaimano* [sebagaimana] tulisan arab masuk ke China, dia jadi ada khat cina.

Walaupun dia tulis dalam tulisan arab tetapi kaligrafi cina tadi tu [itu], dia *modified* [berubah] sikit lah (tersenyum) *tulisey* [tulisan] *ore* [orang] panggil kaligrafi cina tadi tu [itu] *dok* [tak], menjadi *tulisey* [tulisan] arab, ia menggunakan *tulisey* [tulisan] arab tapi nampak *style* [gaya] *cino* [cina].

ANN : **Pakai berus tu [itu].**

UN : Haa [ya] berus *gapo* [apa] tadi tu [itu]. Itulah *dio adjust* [dia ubah] sikit lah . Ada identiti dia tu [itu] ada la.

ANN : **Alat tulis apa yang sesuai digunakan untuk praktik menulis khat, dan adakah terdapat peralatan khusus yang digunakan untuk setiap jenis khat?**

UN : Ha memang [Ya, memangla]. Dia ada alatan khusus la.

ANN : **Khat tu memang perbezaan alatan lah?**

UN : Alatan dia, kebanyakan mata dia tu [itu] jela [sahajalah] mata pen dia mesti serongkan, kena leper [rata] kemudian serong [senget] tadi tu [itu]. Cuma dia berbeza antara jenis khat tadi tu [itu], antara kecerunan mata tadi tu [itu]. Kecerunan mata itu yang membezakan dan ada khat-khat tertentu, khat kufi apa dia kena lukis. Kena guna petak-petak lah. Tapi ada yang menggunakan mata pen tadi ni [ini] yang leper [senget] kemudian dipotong serong. Tapi tu [itu] maknanya sebahagian besarnya menggunakan pen tu [itu] lah.

ANN : **Berapakah kira-kira harga alat tulis yang diperlukan untuk memulakan pembelajaran menulis khat?**

UN : Alatan ni [ini] atas kita bergantung pada kita. Kalau kita nak cari alat yang mahal, *akei* [akan] mahallah. Kalau kita beli pen, *marker* [penanda] *hak* [yang] mahal tadi tu [itu], dia mahallah. Saya belajar di Mesir apa tadi semua yang kita gunakan alat tradisional. Alat tradisional ni [ini] boleh buat sendiri je [sahaja] dengan buluh, dengan rotan. Jadi benda-benda ni [ini] *buke* [bukan] benda harga yang murah *sajo* [sahaja] dan dakwat sendiri pon [juga] kita guna pon [juga] dakwat ni je [ini sahaja]---, di Mesir *dio* [dia] *gumo* [menggunakan] dakwat pewarna jah [sahaja], dia ambik [ambil] pewarna tadi tu [itu], celup. Dakwat merah nak dakwat merah ambik [ambil] pewarna merah, dakwat hitam ambik pewarna hitam. Macam-macam gitu. Dia *gumo* [guna] alat-alat warna-warna yang tradisional.

ANN : **Berapa lama biasanya tempoh diperlukan seseorang untuk menjadi mahir dalam menulis khat ?**

UN : Tidak ada tempoh yang tertentu, dia bergantung kepada kerajinan. Rajin kita berlatih. Dia khat ni [ini] nak pandai ni [ini], dia kena [perlu] latih tubi lah. Dia kemahiran kan. Khat ni [ini] dia panggil 'ilmu waghon', ilmu dan kesenian. Kesenian dan kemahiran tadi, maknanya, khat ni [ini] satu ilmu maknanya kena [perlu] belajar kaedah-kaedah *dio* [dia] lah. Kemudian kemahiran ni [ini] benda latihan, kena [perlu] latih tubi bergantung kepada latih tubi. Dia tidak panggil tak [tiada] ada tempoh-tempoh tertentu.

ANN : **Khat manakah paling susah berdasarkan Ustaz?**

UN : Khat paling susah ialah khat thuluth. Khat thuluth paling susah. Kerana apa? Kerana dia banyak kaedah-kaedah *dio* [dia]. Susah tu [itu] banyak kaedah.

Maknanya bila sambung dengan huruf ni [ini] ia akan guna *penyambungey* [penyambungan] yang lain. Itu yang dia susah tadi tu [itu]. bukan susah *apo* [apa], tapi itulah yang ramai orang minat. Kemudian kalau mengikut penulis-penulis dahulu, *sapo* [sesiapa] yang pandai khat thuluth ni [ini], maka dia dikira sebagai pakar khat. Walaupun khat-khat yang lain ni [ini] dia tidak hebat sangat, kerana khat thuluth ni [ini] dia gelar sebagai raja khat. Orang yang boleh menguasai khat thuluth, maka dia boleh digelar pakar khat.

ANN : **Apa ciri-ciri utama dari khat Thuluth yang dianggap sebagai khat yang mencabar?**

UN : Ciri dia *banyak* [banyak].

ANN : **Banyaklah?**

UN : Khat thuluth ni [ini] biasa dia mencabar tadi tu [itu]. dia boleh buat dalam pelbagai bentuk. Jadi bila *wak* [buat] apa-apa dalam pelbagai bentuk, nak *wak* [buat] dalam bentuk bulat, bentuk bucu, bentuk pat [empat] segi, bentuk *tigo* [tiga] segi, boleh [boleh] buat *blako* [boleh buat semua]. Kemudian *dio* boleh *susung* [susun], boleh susun lapis-lapis-lapis seperti kek lapis. Berapa *lapih* [lapis] kita *nok* [mahu], 10 *lapih* [lapis] *ko* [ke]. *Dio* [dia] boleh susun. Walaupun ayat yang *panje* [panjang], tempat yang sempit, tapi kita boleh susun dia tadi tu [itu] sampai siap ayat tadi (senyum).

ANN : **Dia jadi lawa?**

UN : Dia boleh jadi lawa (mengangguk kepala). Itulah kelebihan dia. Dia boleh susun. Berbanding dengan khat-khat yang lain, tidaklah sehebat khat dia-lah, khat thuluth ni [ini].

ANN : **Adakah syarat-syarat tertentu dalam menulis khat dari segi keagamaan?**

UN : Tidak syarat sangatlah. Maksudnya, sunat bila kita nak menulis tadi tu [itu], sunat benda yang baik tu [itu], kita berwudhu la. Tidak ada syarat-syarat yang khusus, takde [tiada] la. Bukannya bila tulis tu [itu] jadi haram, takde [tiada] lah.

ANN : **Bolehkah tulisan khat yang sudah ditulis diletakkan di merata tempat?**

UN : Yelah [iyalah], kalau kita letak *bawohni* [bawah ini], katalah buku *ko apo ko* [ke apa ke], dia tak comel-lah [tidak baik la]. Tapi kalau ayat quran apa kita letak *bawoh* [bawah], jadi satu penghinaan pula. Haram pulak jadinya. Biasanya kalau saye tulis-tulis *gapo* [apa], tengok saya letak-letak *gini la* [macam ini] (sambil menunjukkan ke arah hasil tulisan beliau). Kita akan susun *tepak* [tempat] tinggi, kita takkan *tok* [letak] tempat-tempat yang rendah lah.

(PENULIS KHAT)

ANN : **Apakah khat yang pertama Ustaz belajar?**

UN : Khat thuluth.

ANN : **Apakah khat yang susah untuk Ustaz kuasai?**

UN : Khat thuluth lah (mengangguk kepala).

ANN : **Khat thuluth jugok [juga].**

UN : Maknanya bila [apabila] kita belajar tadi tu [itu] khat yang *susoh* [susah], *nok* [nak] menguasai tu pon [juga] *meme* [memang] *susoh* [susah]. Tapi *bilu* [bila] *kito* [kita] sudah menguasai tadi tu [itu], khat yang lain tu [itu] *mudohlah* [mudahlah].

ANN : **Berapa lama Ustaz mengambil masa untuk menguasai khat yang susah itu?**

UN : Kalau kita belajar betul-betul dalam masa tiga bulan boleh menguasai. Tiga bulan, enam bulan begitulah. Tetapi kuasai tidak *akey* [akan] sepenuhnya. Kuasai hanya *sekodur* [sekadar] boleh tulis tapi disana ada kesilapan-kesilapan lah. Belajar ni [ini] tidak *akey* [akan] habis, benda kena [perlu] berterusey [berterusan] belajar. Walaupun sampai sekarang saya pun *sayo* [saya] kena belajar jugok [juga], kena [perlu] belajar, terus belajar. Kerana apa? dia khat ni [ini] pun, dia ilmu yang lain, dia sentiasa berkembang. Kalau kita tidak belajar, kita ketinggalan lah.

ANN : **Bagaimanakah cara Ustaz menguasai khat yang susah itu?**

UN : Latih tubi lah (mengangguk kepala). Saya buat tiga jam sehari.

ANN : **Tiga jam sehari?**

UN : Tiap-tiap hari.

ANN : **Tulis?**

UN : Tulis! (mengangguk kepala).

ANN : **Ustaz buat latihan dalam kertas yang kecilkah?**

UN : Kertas-lah. Kertas-kertas gini [begini] (sambil memegang dan menunjukkan kertas-kertas tulisannya yang di atas meja). Macam ni [ini]. Tulis-tulis ayat-ayat ke apa-apa saja, latihan-latihan. Tulis alif, alif, alif, alif, alif, alif, alif, alif (sambil menggerakkan tangan beliau) sampai menjadi. 100 kali *ko* [ke], 200 kali *ko* [ke], seribu kali *ko* [ke] tak *kirolah* [kiralah] sampai jadi.

ANN : **Adakah Ustaz memakai pen atau pensil dalam pembelajaran?**

UN : Pen-lah. Tak belajar pensil-pensil ni [ini]. Pensil ni [ini] *dio* [dia] tak [tidak] menarik, *kalu* [kalau] tengok pun *dio* [dia] tok [tak] akan menarik. Dia tidak akan memberi satu motivasi pada *kito* [kita], makna *dio* [dia] *akei* [akan] menyebabkan kita *beraso* [berasa]-.

ANN : **Biaso [biasa]?**

UN : Takdok [tiada] *apo* [apa] (pusing kepala). Dia *dok* [tidak] *napok* [nampak] kesenian dia tadi tu [itu], *dio* [dia] kena [sesuai] dengan mata pen, dakwat *gapo* [apa]. *Napok* [nampak] jelas huruf *dio* [dia] tadi tu [itu], disitu *akei* [akan] timbul minat kita *tuh* [itu].

ANN : **Apakah peralatan pertama yang digunakan oleh Ustaz untuk menulis khat?
Boleh ceritakan mengenainya?**

UN : Peralatan pen lah. Pen saya potong sendiri. Mata dia saya buat sendiri (sambil mengangguk kepala sedikit).

ANN : **Pen boleh asah?**

UN : (mengangguk kepala) pen yang mata besi, ball pen tu [itu]. Yang mata besi *apo* [apa] dulu. Contoh pen pilot apa orang *buh* [letak] dakwat tu [itu], isi mata dia, mata bulat tu [itu] *kei* [kan] kita potong mata dia tadi (sambil menunjukkan isyarat tangan).

ANN : **Boleh potong ke Ustaz?**

UN : Boleh potong. Saya potong. Ketika darjah empat lagi saya potong, empat, lima gitulah [begitulah] enam.

ANN : **Siapakah yang menginspirasi Ustaz untuk menyertai bidang khat ini?**

UN : Ayah lah. Dia menulis khat, jadi kita tengok dia tulisan dia apa.

ANN : **Siapakah orang yang pertama melihat hasil karya khat yang Ustaz hasilkan?**

UN : Ayah saya lah.

ANN : **Ayah Ustaz la.**

ANN : **Siapakah pencabar Ustaz yang pertama dalam belajar khat pada peringkat permulaan?**

UN : Memang saya ni [ini] tingkatan satu dahulu, saya belajar khat ni [ini] kerana ada cabaran lah, ada pesaing lah. Kawan saya tu [itu], memang saya berlatih tadi pun dengan dia. Jadi dia pun berlatih, saya pun berlatih. Jadi hari-hari bila kita pergi sekolah kita tunjuk dia (tunjuk hasil khat). Dia tunjuk kepada saya, saya tunjuk kepada dia. Jadi dia tengok “ai ni tak boleh jadi ni. Ini dia sudah lebih” (ketawa). Jadi kita pun akan bersungguh lagilah. Kita akan *pom pom* [tunjuk semangat] buat sampai jadi tunjuk pada dia *pulok* [pula]. Jadi dia memang ada cabaran tadi tu [itu], ada persaingan tadi tu [itu].

ANN : **Untuk khat seperti diwani, berapa lamakan untuk mencipta reka bentuk/karya?**

UN : Karya ni [ini] tidak akan jadi terus, dia akan memerlukan *maso* [masa] lah. Kita buat harini, kita rasa cantik dah. Cuba kita tengok esok ataupun kita tengok karya orang lain, kita akan nampak bahawa karya kita buat tadi tu [itu] (membuat gaya tidak tertarik). Yang semalam kita tengok cantik tadi tu [itu], sudah tak cantik dah. Seperti orang lah. Kalau kita tengok ada orang lain “oi cantiknya dia ni [ini]”, tapi bila kita tengok orang lain lebih cantik, tak cantik dah [sudah] dia ni [ini]. Begitu jugalah. Disebabkan dunia begitulah. *Barey* [barang] dunia ni [ini] tidak ada yang sempurna, cantik dimata kita, pada pandangan kita yang ni [ini] tapi bila kita tengok *ore* [orang] yang lain yang lebih cantik begitulah dia akan jadi cantik. Jadi karya ni [ini] begitu juga lah, maknanya dia ada panggil apa [dipanggil] kecacatan dia, karya bila kita menyusun ni [ini] kan. Kita susunkan, kita perlukan keseimbangan bila kita susun tu [itu] *hurup* [huruf] tadi. Memerlukan kemahiran kita lah. Bermakna melihat tadi tu [itu], *memandey* [memandang] tadi tu [itu] macam mana, kemas *ko* [ke] susunan dia tadi tu [itu]. Dia berdasarkan peletakan huruf-lah dan mudah dibaca, kalau kita susun huruf tadi tu [itu], taktahu *mano*

[dimana] *apo* [apa] *dio* [dia] ni [ini] (membuat muka keliru) baca ni [ini] (tersenyum). Tak tahu. Tak boleh *gak* [juga]. Jadi bergantung kepada ---. Jadi nak susun tadi perlu kepada ilmu-lah, kita ada ilmu bahasa arab, kita tahu. *Buke* [bukan] hanya *sekodar* [sekadar] kita susun tadi tu [itu] ikut cantik dia, ikut cantik. Letak sini *huruf* [huruf] (sambil membuat reaksi tangan), sini susun sama, sini sama, sama, sama. Itu orang panggil benda penyusunan tu [itu] kadang-kadang susah [susah] nak *baco* [baca], sedangkan matlamat *kito* [kita] tulis tadi untuk *dibaco* [dibaca].

ANN : **Adakah ustaz buat reka bentuk sekeliling / border dan berapa lamakah untuk membuatnya?**

UN : Bunga tu [itu], bunga la *border* [bingkai] dia, bunga tepi la ragam hias lah. Ragam hias tu [itu] memang kita belajarlah. Disana dia ajar juga lah. Dia ragam hias ni [ini] dipanggil sebagai aksesori lah bagi *tulisey* tadi tu [tulisan tadi itu] untuk mencantikkan lagi. Untuk kemaskan dia lagi. Kalau takdak [tiada] *border* [bingkai] tadi tu [tiada bingkai tadi itu] dia nampak jadi longgar jadi tak cantik.

ANN : **Macam *plain* [kosong] -lah.**

ANN : **Adakah Ustaz menghasilkan sebuah khat yang bernama isteri Ustaz?**

UN : Biasa jelahtu [sahajalah]. Nama ni [ini] saya tiap-tiap hari tulis nama orang macam-macam dah. Macam *hok* [yang] isteri tu [itu], *lamo* [lama] saya *tulisnyo* [tulisnya] tapi tidak dihasilkan lah. Tidak hasil secara khusus la. Biasanya *tukey* ni [tukang ini], *tukey* ni [tukang ini] dia *akey* buak kat ore jah [akan buat untuk orang sahaja], dia tidak *akey* [akan] buat untuk diri *dio* [dia] ko [ke], ahli keluarga dia (ketawa).

ANN : **Adakah Ustaz sahaja yang meminati seni khat ini dalam kalangan adik beradik Ustaz?**

UN : Adalagi adik beradik yang pandai khat. Cuma itulah kerana adik beradik yang lain-lain tu [itu] dia tak sambung lah pengajian tadi tu [itu] sampai ke Mesir ke apa ke takdalah [tiadalah]. Dia hanya *sekodar* [sekadar] belajar di Maahad tadi tu [itu] dan dia begitu je lah [begitu sajalah] dengan sekadar yang ada lah.

ANN : **Adakah ibu bapa Ustaz memberi sokongan dalam meminati seni khat ini?**

UN : Memanglah, dia sokonglah *pasai* [pasal] minat kita tadi ni [ini], minat yang tidak ramai orang yang ada pun, dia bagilah sokongan tadi tu [itu].

ANN : **Adakah ini menjadi titik tolak untuk meneruskan kerjaya sebagai penulis khat?**

UN : Kita nak buat satu benda ni [ini] kena [perlu] ada niat lah, niat yang betul lah. Kita belajar ni [ini] kerana apa? Kalau kita hanya *sekodar* [sekadar] semata-mata belajar tadi tu [itu] kerana nak jadikan dia sebagai satu mata pencarian lah (bunyi motor), dapat duit, dia akan dapatlah. Apabila kita tak dapat duit dengan dia, kita akan tinggal. Jadi saya letakkan matlamat tadi tu [itu] , kita nak kembang kan seni khat tadi ni [ini] .Bukan hanya *sekodar* [sekadar] saya buat kedai ni [ini] sendiri pun, maknanya untuk kembangkan seni khat lah. Bukan hanya *sekodar* [sekadar] nok meniaga khat. Ramai orang meniaga khat. Meniaga khat ni [ini] dia akan ambik [ambil] tulisan-tulisan dalam internet saja tu [itu], ambik [ambil] pastu dia akan *buak* [buat] *frame* [bingkai] *banyak-banyak* [banyak-banyak] pastu jual (sambil membuat isyarat tangan)___ . Jadi saya tidak begitu (senyum), saya buat ni [ini] semua atas permintaan *customer* [pelanggan]. Dia *maghi* [datang] satu, satu, satu

nak ayat ni [ini] nak ayat ni [ini]. Saya buat ni [ini] dari kosong je [sahaja], tidak ambik [ambil] daripada internet ke apa tadi tu [itu]. masa kita buat tadi tu [itu] *berdasarkey* [berdasarkan] apa tu [itu] ada matlamat kita yang nak tadi. Lillahitaala kita nak kembangkan seni khat tadi ni [ini] sebagai satu warisan islam kemudian dia sebagai untuk orang tadi tu [itu] kenal islam berdasarkan tulisan tulisan kesenian.

ANN : **Adakah Ustaz masih menyimpan hasil khat Ustaz semasa memenangi di setiap pertandingan dalam semua peringkat?**

UN : Khat yang dimenangi ni [ini] dimiliki oleh penganjurlah.

ANN : **Tiada yang Ustaz pegang?**

UN : Nak pegang macam mana [bagaimana] dah kita dah menang, dialah ambik [ambil]. Hanya sekadar ada la gambar-gambar sikit-sikit gitu ada la. Simpanan-simpanan *hok* [yang] ada salinan-salinan saya buat tu [itu] tapi tidak semua lah. Saya pun ada juga terlintas juga nak kumpulkan semula tapi benda ni [ini] payah lah, kena [perlu] pergi ke Brunei, pergi tengok sana kalau ada masih ada lagi *simpaney dio* [simpanan dia].

ANN : **Kalau nak, kena bayarkan ?**

UN : *Tok* tahulah [tidak tahulah].

GALERI KHAT DAN GRAFIK

ANN : **Bagaimana tercetusnya idea untuk Ustaz membuka sebuah galeri khat dan grafik ini?**

UN : Saya nak buka ni [ini] kerana tadi la. Kerana takda [tiada] orang yang buka lagi. *Tika* [ketika] saya buka ni [ini] *meme* [memang] takda [tiada], takda [tiada] kedai khat ni [ini]. Sedangkan permintaan ada. Asal dia sebenarnya gini ja [begini sahaja]. Saya mengajar, saya mengajar di sekolah ni [ini] tiba-tiba ramai orang-orang yang daripada kedai *advertising* [pengiklanan] ke apa ke pergi ke sekolah tadi ni [ini] minta saya tulis khat apa. Bila mereka minta tulis _ khat saya tulis jelah [sahajalah]. Tulis-tulis tadi tu [itu], jadi dia bagi lah, “Ustaz ambiklah sagu hati sikit la minum-minum air”. Dia bagilah 20 ringgit (tersenyum). “20 ringgit ambik la Ustaz”. Tiba-tiba saya tengok aish [terkedu], apa tulisan 20 ringgit ni [ini] tiba-tiba dia buat satu *signboard* besar beribu-ribu ringgit ni [ini]. Dia *cetok* [cetak] pulak [pula] apa. Saya kata “ai ni [ini] tak leh [tak boleh] jadi ni [ini]” (ketawa).

ANN : **Jadi cabaran ke Ustaz?**

UN : Ya cabaran, jadi satu cabaran. Kemudian saya tengok pula ada tulisan saya tadi tu [itu] ada dia buat di masjid ke apa dia, tiba-tiba tulisan saya tu [itu] dia ambil dia tarik *panjey* [panjang] dia *kepik* [kecikkan] kan tulisan saya. Jadi saya kata apa ni [ini] *ore* ni [orang ini] dahla [sudahla] ambik *tulisey* [ambil tulisan] kita, tiba-tiba rosakkan tulisan kita.

ANN : **Tak berbaloi la 20 ringgit.**

UN : Jadi saya kata, ni [ini] *takleh* [tak boleh] jadi ni [ini], maknanya cara *lagumano* [bagaimana] mengatasinya saya kena [perlu] buat sendiri. Itu yang timbul [keluar] idea] nak buka kedai _ _ . Kerana tu [itu] lah tadi ada (bunyi notifikasi telefon) benda-benda tadi tu [itu] yang menolak tadi untuk ---. (mengangguk kepala)

ANN : **Berapakah kos untuk membangunkan sebuah galeri khat dan grafik ini?**

UN : Kalau bangun memang mahal lah. Kerana mahal tadi tu [itu] kerana masa lama. Kalau nak jadi *gini* [begini] 10 tahun.

ANN : **10 tahun?**

UN : 10 tahun. *Bukeyny daley* [bukannya dalam] masa satu hari (ketawa). Masa 10 tahun pengalaman daripada kosong. Buat ni [ini] daripada kosong (bunyi pintu dibuka) takda [tiada] apa-apa hanya ada satu mesin, cari mesin satu kita buat tadi tu [itu] takda [tiada] apa-apa, tak terpikir pun akan buat *mace-mace* [macam-macam] produk-produk ka [ke] apa, takda [tiada] tak tahu. Saya ni [ini] hanya *sekodar* [sekadar] tahunya buat *gapo* [apa], papan-papan ni [ini] apa, buat apa ni [ini] label-label gitu je [sahaja] lah. Asal dia orang tempah label-label. Masa saya dulu di Maahad dulu pon, memang sekolah tadi tu [itu], buat label tadi tu [itu] saya yang buat label lah. Saya yang tulis apa kita buat label, cari papan ke apa plastik akrilik ke apa tadi tu [itu] buat sendiri tadi *spray* [semburan] apa. Jadi memang kita sudah berlatih dah. Sekolah (ketawa) cikgu-cikgu *sano* [sana] pun _ cikgu-cikgu seni khat ke apa tadi tu [itu], ayah *sayo* [saya] sendiri pun bagi *sokongey* [sokongan] tadi. Maknanya beli papan apa sekali. Sekolah beli papan. Jadi *mitoklah* [mintalah] kita yang buat tadi tu [itu]. Hasil daripada situlah. Maknanya hasil daripada situ, kemahiran kita sudah ada dah. Tapi bila kita buka kedai ni, kita nampak yang tujelah [itu sahajalah] (senyum).

ANN : **Ha fokus lagi.**

UN : Jadi kita nampak yang tu saje [itu sahaja] *tak napok* [tidak nampak] lagi yang lain-lain ni [ini]. Jadi *napok* [nampak] pun *ore* [orang] panggil kena buat label ni

[ini]. Kena buat *signboard* [papan tanda]. Itu jelah [sahajalah] kita nampak sebagaimana *hok* [yang] kita buat di sekolah dulu (bunyi notifikasi telefon).

ANN : Apakah produk yang dikeluarkan dari galeri ini selain khat yang dipaparkan?

UN : Dia galeri khat ni [ini]. *Memey* [memang] dia hasilnya ialah berasaskan khat. Atas *mace-mace* [macam-macam] *material* [bahan]. Atas *mace-mace* [macam-macam] produk, tapi khat (ketawa).

ANN : Berapakah harga untuk sesebuah seni khat itu?

UN : Harga ni terpulang kepada benda tadilah, kita letak tadi tu [itu], kita yang meletakkan tadi harga nilai tadi tu [itu] berdasarkan kepada macam mana *susoh*, *susoh* [susah, susah] senang yang kita buat tadi. Gitu jelah [begitu sahajalah], maknanya tidak kata kita meletakkan harga contoh satu lukisan satu juta ke (sambil membuat isyarat tangan), *takdok* [tiada]. Kita letak harga berdasarkan kepada apa yang kita buat tadi tu [itu]. hasil itu kita buat okay, setakat tu [itu], setakat tu [itu] yang kita bagi.

ANN : Dalam anggaran satu bulan, berapakah seni khat terjual?

UN : Terpulang. Saya dulu sebenarnya syarikat ni takde [tiada] buat promosi apa. Jadi bila kita takda [tiada] buat promosi, saya ni [ini], customer ialah kawan-kawan, masjid, sekolah arab. Masjid ni [ini] sapa [siapa] jadi tok imam dia? Kawan-kawan (senyum). Sekolah arab pun sapa [siapa] yang jadi pengetua dia, kawan-kawan (senyum).

ANN : **Geng-geng sajalalah?**

UN : Jadi geng-geng jelah [sajalah]. Jadi geng-geng nilah [inilah] yang akan *hello* [berhubung]. “*Hello* Ustaz buat ni sikit, buat ni [ini] sikit” *gitu* jelah [begitu sajalalah]. Jadi customer tadi tu [itu] akan bayar (ketawa), yang sudah kenal dah yang meme [memang] saya belajar di Mesir apa tu orang yang saya kenal, jadi mereka tempahlah dengan saya.

ANN : **Adakah galeri khat ini menawarkan sebarang servis diluar? Jika ada, boleh Ustaz ceritakan?**

UN : Dulu saya buat juga. Tapi sekarang ni tak [tidak] sempatlah. Ada lah kita *sub* [merujuk anak buah] lah. Ada anak-anak murid saya tadi tu [itu] yang memang khusus bahagian cat di dinding memang dia yang buatlah. Saya panggil *sub* [merujuk kepada anak buah] dia lah, kalau ada orang tempah pun, saya kata berhubung dengan dia je [sahaja].

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: PENGHARGAAN DAN PENCAPAIAN

MSM : **Betulkah Ustaz telah memenangi kejuaraan tiga kali berturut-turut dalam pertandingan khat di peringkat Sekolah Negeri Kelantan pada tahun 1988, 1989, dan 1990?**

UN : Ha [ya] betul (mengangguk).

MSM : **Semasa Ustaz memenangi pertandingan tersebut, Ustaz mewakili sekolah apa?**

UN : Sekolah Maahad Muhammadi lelaki.

MSM : **Perasaan Ustaz ketika memenangkan pertandingan tersebut?**

UN : Perasaan *gitu* [begitu] jela [sajalah] (ketawa). Alhamdulillah begitulah bermaknanya, kita tak sangkalah benda tu.

MSM : **Bagaimana Ustaz mengekalkan momentum untuk menjadi juara untuk tahun berikutnya?**

UN : Yela latihan-lah.

MSM : **Latihan jugak [juga].**

UN : Latihan-lah. Maknanya dia kemahiran sesuatu benda *kei* [kan] orang nak mahir ke apa ke, kena [perlu] latihlah. Latih, kita mendalami masuk bengkel seni khat *apo* [apa]. Jadi disitu adalah peningkatan ilmu kita, di situlah kita boleh tambahkan lagi, kita boleh baiki-lah tulisan kita tadi tu[itu].

MSM : **Betulkah Ustaz pernah sampai di peringkat internasional di Turki pada tahun 2003?**

UN : (mengangguk tanda setuju)

MSM : **Apakah perasaan Ustaz ketika itu kalau boleh diceritakan?**

UN : Saya tidak pergi, saya hantar karya je [sahaja]. Hantar karya dan karya tadi terpilih boleh saguhati je [saja]. Saguhati ni [ini] pun saguhati antarabangsa *kei* [kan]. Walaupun saguhati pun maknanya orang Malaysia sendiri pon *bui* [bagi] saguhati jela (sahaja) (tersenyum) paling tinggi pon percapaian itu saguhati iaitu termasuk saya sorang [seorang].

MSM : **Ketika dalam pertandingan antarangsa itu, Ustaz masih ada kenalan yang masih berhubung sekarang?**

UN : Yang antarabangsa ? memang ada.

MSM : **Ada?**

UN : Ada (mengangguk).

MSM : **Sekarang masih berhubunglah?**

UN : Iyalah saya kan belajar di Mesir apa ni [ini], memang masa di Mesir ramai kawan-kawan saya yang menang sekali pun ada. Memang saya berhubung lah, ada nombor Whatsapp, ada E-mail *ko* [ke] *mace-mace* [macam-macam].

MSM : **Adakah kawan-kawan yang menyertai pertandingan tersebut merupakan kawan-kawan staz yang belajar di Mesir?.**

UN : Pelajar Mesir lah. Pelajar Mesir, ia seluruh dunia ni [ini].

MSM : **Bilakah pertandingan khat terakhir yang Ustaz sertai, ataupun Ustaz masih aktif lagi?**

UN : Ada lagi saya bertanding (mengangguk kepala), yang terakhir dulu di ni lah [dekat] Taman Tamadun Islam, yang dapat juara la. Johan ni [ini]. Lepas [selepas] itu, saya masuk yang akhir-akhir ni *tok* [tak] menang *doh* [dah], menang saguhati *gitu jelah* [begitu saja lah].(Ketawa). Panas-panas [paling dekat] yang terakhir *baruni* [baru baru ini] saya masuk pertandingan di Melaka, bolehlah saguhati (ketawa).

MSM : **Ustaz ketika pertandingan di Melaka tersebut hanya menghantar karya jugakah?**

UN : Tak, yang itu spontan.

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6: LAIN-LAIN SOALAN

MSM : Adakah Ustaz menerima jemputan untuk menjadi juri di pertandingan khat di mana-mana peringkat di Malaysia?

UN : Ada (mengangguk).

MSM : Selepas itu, Ustaz menjadi penceramah khat untuk guru-guru khat pada tahun 2006. Adakah Ustaz menganggap ia sebagai jalan dalam menyebarkan ilmu khat untuk lebih dikenali?

UN : Iyalah (mengangguk kepala). Dia Kementerian (KPM) dulu dia buat buku khat, jadi saya ni [ini] panel penilai dia. Jadi apabila siap buku tadi tu[itu], dia tunjuk saya jadi penceramah. (menarik nafas).

MSM : Jadi, disebabkan itulah tercetus Ustaz makin berminat lagi dalam mengembangkan khat?

UN : Yelah [betullah], dijemput sebenarnya masa tu [itu] tokoh orang yang kenal *nyo* [nya], *sayolah* [sayalah]. Begitulah.

TAMAT BAHAGIAN 6

BAHAGIAN 7: CABARAN

MSM : **Apakah peralatan yang sering hilang dan susah untuk dijaga?**

UN : (senyum sambil menghembus nafas). Takde [tiada] (tersengih).

MSM : **Mudah dijagalah?**

UN : (mengangguk) mudah dijaga khat ni [ini] (menggaru kepala).

MSM : **Apakah ada orang memberi cemuhan kepada Ustaz semasa menyertai mana-mana pertandingan dulu?**

ANN : **Memandang remeh-lah**

UN : Takdok [tiada].

MSM : **Takdok [tiada].**

MSM : **Apakah masalah yang mungkin berlaku semasa penghasilan seni khat ini?**

UN : Yelah [betullah] *masaloh* [masalah] ni [ini] *ado* [ada] *blako* [semua], *masaloh* [masalah] ni [ini] kalu [kalau] *sayo* [saya] menulis *kadei-kadei* [kadang-kadang] *apabilo* [apabila] orang *mitok* [minta] saya tulis *namo* [nama] contohnya ikut ejaan dia dan kita tulis ikut ejaan kita, *dio* [dia] *kadei-kadei* [kadang-kadang] *dio* [dia] tak mahu-lah. Jadi, *kito* [kita] *keno* [kena] tulis semula (senyum).

MSM : **Oh (tersenyum).**

UN : Walaupun kita terangkan ini mari dari segi bahasa Arab yang ini betul, yang ini tak betul tapi ada orang ni [ini] dia kata *customer* [pelanggan] yang betul (ketawa).

MSM : **Betul-betul (ketawa).**

UN : Jadi itulah. Cabaran jelah [sajalah] (senyum).

MSM : **Pernahkan Ustaz mendapat panggilan daripada pelanggan luar negara?**

UN : Luar negara, takdok [tiada].

MSM : **Takdok [tiada].**

TAMAT BAHAGIAN 7

BAHAGIAN 8: NASIHAT DAN HARAPAN

MSM : **Apakah harapan Ustaz terhadap seni khat pada masa hadapan?**

UN : Seni khat ini maknanya bukan *sekodar* [sekadar] seni, tapi dia satu ilmu dan kesenian dari itu yang belum diterokai lagi. Seni dia pun tak banyak orang yang kembangkan dia tadi tu [itu]. Kemudian, dari segi ilmu dia sendiri pun orang yang mengkaji dia [merujuk kepada khat] yang buat buku tidak banyak. Jadi maknanya itu peluang-peluang lah, ataupun potensi yang *luah* [luas] bagi orang yang menerokai seni khat ni [ini] dari segi peluang *pekerjaey* [pekerjaan] sendiri pon (tersenyum) tidak ramai orang yang pandai dalam bidang ini. Maknanya, kalau ada orang yang pandai tadi memang mereka terbuka luas-lah (senyum).

MSM : **Betul-betul (mengangguk).**

MSM : **Adakah Ustaz percaya bahawa golongan belia akan berminat tentang seni khat ini?**

UN : Memanglah dia sebenarnya yang terbaiknya memang golongan muda lah. Kerana mereka kalau nak pandai kemahiran *kei* [kan], *kalu* [kalau] mereka tadi mahir ketika muda ini, maka mereka baru dapat menguasai benda tu [merujuk kepada khat]. Tapi kalau minat ni orang *tuo* [tua] *doh* [sudah], apa yang dia dapat? (tersenyum) Dia latih pon tak jadi (menggeser kedua-dua tangan), apabila berlatih pon dia akan ketar *tange* [tangan] apa semua sekali la. Tapi takde [tiada] masalah *ore mudo* [orang muda] atau *ore tuo* [orang tua] ni [ini] pon kalau dia minat, teruskanlah. Cuma, sepatutnya dia menarik minat orang muda supaya minat khat ni [ini]. Bermakna bila orang muda minat khat, mereka ada *pelue* [peluang] untuk memperkembangkan lagi seni khat. Tapi kalau *ore tuo* [orang tua] *dio* [dia] *tok* [tak] mampu *doh* [dali], *staro* [setakat] saya pon dah tak mampu, saya *sekodar* [sekadar] (membuat isyarat tangan) buat yang mana sudah kita buat, teruskan. Jadi,

kalau ada *ore mudo* [orang muda] lagi yang tahu _ macam mana (ketawa). Sekarang *sayo* [saya] tahu *mace-mace* [macam-macam] *ore* [orang] *gunokei* [gunakan] *ado* [ada] Tiktok, Facebook, jadi saya tak guna sebabtulah [sebab itulah] saya tidak dikenali. Kawan-kawan *sayo* [saya] main Facebook *gapo* [apa] kei [kan] sebabtu [disebabkan itu] ada *tempahei-tempahei* [tempahan-tempahan] daripada luar. Jadi, saya tak bermain benda-benda [merujuk kepada aplikasi tersebut] tu [itu] jadi *takdok* [tiada] *ore* [orang] (ketawa) yang tempah.

MSM : **Tapi kami jumpa ustaz?**

UN : Yelah [iyalah] *meme* [memang] *ado* [ada] (senyum) tapi *sayo* [saya] tak *caro* [kisah], tak layan pun benda tu [itu]. Cuma kalau ada pun geng-geng khat ni [ini] *staff* [pekerja] lah. *Staff* [pekerja] yang itulah [merujuk kepada mengawal aplikasi] cuma saya tak *update* [kemaskini] *gapo* [apa-apalah] lah (ketawa).

MSM : **Selama menjadi penggiat seni khat, adakah impian yang belum tercapai sampai sekarang?**

UN : Impian ni [ini] memang tidak akan habis sebenarnya (tersengih). Dia akan ada.

MSM : **Dia akan ada (tersenyum).**

UN : Jadi adalah impian nak tulis Al-Quran. Saya tulis *doh* [sudah] Al-Quran untuk USM (Universiti Sains Malaysia) tu [itu] dah [sudah] *siak doh* [siap sepenuhnya] *cumo* [cuma] Al-Quran takleh [tidak boleh] dicetak. Jadi masalah-lah, dia ada pengurusan lah, *keno* [kena] masuk KDN (Kementerian Dalam Negeri) dulu. Kelulusan KDN (Kementerian Dalam Negeri) baru *cetok* [cetak] quran [Al-Quran]. Jadi, *maso* [masa] masuk KDN (Kementerian Dalam Negeri) tadi tu [itu] *dio* [dia]

tok [tak] lulus, kerana dia *keno* [kena] *ado* [ada] pembetulan- pembetulan-lah. Jadi, *semo* [semua] pembetulan tu lah [itulah] yang jadi *masaloh* [masalah] kepada USM [Universiti Sains Malaysia] kerana dia tak cukup kakitange [kakitangan]. Saya tulis *jah* [sahaja], tapi orang yang *dio* [dia] *semok* [semak] sepatutnya *keno* [kena] tengok cek [semak] *apo* [apa] semua *tepatni* [tempat ini] *kei* [kan], *keno* [kena] *designer* [pereka bentuk] *dio* [dia] *cek* [semak] semula, susun apa-apa yang *tok* [tidak] betul. Situlah yang jadi *masaloh* [masalah].

MSM : Boleh ustaz kongsi nasihat kepada golongan muda atau golongan yang akan berkembang dalam menceburi bidang khat ini?

UN : Itulah nasihat saya tadi, maknanya bolehlah cuba _ ini kerana dia sebagaimana Saidina Ali mengatakan (membaca ayat Al-Quran) - Hendaklah kamu ini memperelokkan tulisan kamu kerana dia tadi menjadi kunci kepada rezeki-rezeki kamu. Bermakna, orang dulu yang pandai menulis ni [ini] diambil sebagai pekerja. Boleh jadi pekerja kerani *kei* [kan] *kerajaey* [kerajaan] dulu *kei* [kan] (senyum). Zaman Nabi dulu *dok* [kan] penulis Al-Quran, *tok* [tidak] *rama* [ramai] *ore* [orang], jadi *nulis* [menulis] Al-Quran. Zaman kerajaan Uthmaniyyah dulu, penulis-penulis khat nilah [inilah] sebagai kerani-kerani kerana mereka [mahir] menulis khat.

MSM : Kemahiran tadi tu

UN : Kemahiran tadi tu[itu], kalau kita tengok sekarang ni [ini] macam mana, maknanya orang yang pandai menulis pun. Saya yang pandai menulis tu [itu] orang akan cari, orang akan kenal *kito* [kita] (ketawa). Jarang sangat orang tak kenal kecuali orang yang belajar di Mesir memang mereka kenal, terlintas saja khat, kenal-lah saya (ketawa). Dia akan mari tadi, sebelum sek *awok* [kamu berdua] mari tadi, *wapo* [berapa] *ore* [orang] kawan-kawan datang sini mari *tempoh* [tempah] tulisan. Memang dia begitu. Maknanya sebagai kunci rezeki punca boleh jadikan dia

sebagai satu pekerjaan, kita yang mengasaskanlah benda tadi tu [itu], pekerjaan tadi tu [itu]. Seperti asas maknanya kita boleh buat satu perniagaan. Kerana apa? tak ramai *ore* [orang] buat. Apabila kita buat peluang tadi jadi luas. Disini pun tiada persaingan! (tersenyum).

MSM : **Selain Ustaz, memang tiada pesaing lain?**

UN : (Ketawa) Di Kota Bharu, *area* [kawasan] sini yalah [betul] ada keda [kedai] lain (menunjuk guna tangan), *keda* [kedai] print [percetakan] *ado* [ada], persaingan *keda* [kedai] print [percetakan] *ado* [ada], tapi kalau tulisan (tulisan khat) ni [ini] *meme* [memang] *takdok* [tiada]. Kalau [kalau] pergi _ lain *gapopon* [apapun] *dio* [dia] *kato* [kata] mari sinilah [disinilah] Galeri Khat. *Meme* [memang] takde [tiada] orang yang buat. Dulu ada kawan saya buat, *dio* [dia] *buko* [buka] keda [kedai] gitu [begitu] tapi *tok* [tidak] *lamo* [lama] lah. *Wapo* [berapa] tahun *jah* [sahaja]. Setahun dua tahun, kemudian dia tutup kerana tak mampu. Memang kalau *kito* [kita] hanya *sekodar* [sekadar] nak berniaga tulisan, tak perlu ada kedai. Dia kalau ada kedai, kena ada produk (senyum). Produk nilah [inilah], produk *print* [percetakan], produk cenderamata yang kita kena.

ANN : **Evolusikan khat tu [itu].**

UN : Benda tadi tuh (menunjuk kepada contoh produk) benda-benda semua ni [ini] *dok* [kan] ada contoh kita nak buat ni [ini]. Ada contoh benda yang lain tapi *buke* [bukan] khat, tapi kita tirulah, kita ubah kepada khat (mengangguk). Kita yang buat tadi tu [itu], kita kena *create* [buat] tadi tu [itu] jadi khat *apo* [apa].

TAMAT BAHAGIAN 8

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai **pengalaman dan sumbangan Ustaz Nik Abdul Rahman Zaki Nik Abdul Kadir** di sepanjang perkhidmatan beliau sebagai **ahli kaligrafi yang menempah nama di peringkat antarabangsa**. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni kaligrafi dan khat untuk para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

LOG WAWANCARA

Ahmad Nadim Najmi Bin Faizal dan Muhammad Shamierul Muiz Bin Abdul Karim menemubual Ustaz Nik Abdul Rahman Zaki Bin Nik Abdul Kadir yang lahir pada tahun 1973 merupakan seorang pelukis seni kaligrafi islam iaitu khat yang terkenal di Kelantan. Temubual ini dijalankan melalui kaedah bersemuka untuk menemubual mengenai pengalaman beliau sebagai seorang penulis khat yang profesional. Temubual dijalankan di Galeri Grafik Dan Khat beliau sendiri di Kota Bharu, Kelantan.

MASA	SUBJEK	NAMA /TEMPAT/ RUJUKAN
BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG		
01:10	Menceritakan tentang biodata beliau	<ul style="list-style-type: none"> ● Nik Abdul Rahman Zaki Bin Nik Abdul Kadir ● /50 tahun ● Farhana Muhd Fauzi ● Lahir di Pasir Pekan ● Tinggal di Pasir Pekan
02:44	Menceritakan tentang ibu bapa serta adik beradik	<ul style="list-style-type: none"> ● ● ● 5 orang adik beradik, anak kedua. ● Adik beradik tinggal di Kelantan
03:30	Menceritakan tentang anak-anak beliau	<ul style="list-style-type: none"> ● 6 orang ● 5 orang masih belajar ● Seorang sudah bekerja
04:12	Menceritakan tentang perkahwinan	<ul style="list-style-type: none"> ● 15/8/1998
BAHAGIAN 2 : SEJARAH PENDIDIKAN		
04:37	Menceritakan tentang persekolahan di peringkat sekolah rendah	<ul style="list-style-type: none"> ● Sekolah rendah pasir pekan
05:04	Menceritakan tentang persekolahan di peringkat sekolah menengah	<ul style="list-style-type: none"> ● Maahad Muhammadi di Kelantan ● Tidak aktif dalam sukan ● Aktif dalam persatuan seni khat ● Tamat pada tahun 1992

08:05	Menceritakan tentang pembelajaran di peringkat university	<ul style="list-style-type: none"> • University Al-Azhar, Mesir • Diploma Seni Khat • Ijazah dalam Bahasa Arab
BAHAGIAN 3 : KERJAYA AWAL		
11:23	Menceritakan tentang kerjaya awal	<ul style="list-style-type: none"> • Mengajar pada tahun 2003 • 7 tahun • Projek menulis Al-Quran secara kontrak di Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang
BAHAGIAN 4 : KERJAYA SEMASA		
13:20	Menceritakan tentang khat	<ul style="list-style-type: none"> • Jenis khat
14:09	Menceritakan tentang sejarah khat	<ul style="list-style-type: none"> • Setiap khat memiliki sejarah dan keperluan tertentu • Gaya-gaya khat berkembang seiring dengan penyebaran islam dan munculnya Al-Quran • Bertujuan kerana Al- Quran
18:41	Menceritakan tentang pembelajaran khat	<ul style="list-style-type: none"> • Khat nasakh adalah pilihan gaya khat untuk pembelajaran • Peralatan khusus seperti mata pen yang sesuai untuk menulis khat • Harga alatan untuk menulis khat bergantung kepada jenis alatan tersebut • Alat tradisional yang dibuat sendiri dari buluh dan rotan • Pembelajaran bergantung kepada kerajinan dan latih tubi • Khat thuluth yang paling susah untuk dipelajari •
25:30	Menceritakan tentang etika dan adab dalam penulisan khat	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak wajib berwudhu tetapi sunat untuk berwudhu. • Meletakkan khat di tempat yang sesuai terutamanya untuk ayat-ayat Al-Quran
26:50	Menceritakan tentang perjalanan	<ul style="list-style-type: none"> • Khat thuluth sebagai khat

	mempelajari khat	<p>pertama dipelajari</p> <ul style="list-style-type: none"> • Khat thuluth yang paling susah untuk dipelajari
27:28	Menceritakan tentang proses pembelajaran khat	<ul style="list-style-type: none"> • Menguasai khat thuluth sekitar tiga ke enam bulan • Latihan dilakukan selama 3 jam sehari • Menulis di atas kertas secara berulang-ulang • Menggunakan pen dalam pembelajaran
29:55	Menceritakan tentang inspirasi dan pencabar dalam pembelajaran	<ul style="list-style-type: none"> • Ayah sendiri menjadi inspirasi untuk menulis khat • Persaingan dalam belajar khat dalam kalangan rakan sebaya
31:03	Menceritakan tentang karya dan ragam hias dalam penulisan khat	<ul style="list-style-type: none"> • Memerlukan masa untuk melakukan • Kemahiran ,pengalaman dan ilmu diperlukan dalam penghasilan karya khat • Ragam hias untuk mencantikkan
34:31	Menceritakan tentang pembelajaran khat dalam kalangan adik beradik	<ul style="list-style-type: none"> • Hanya belajar di Maahad
34:55	Menceritakan tentang dukungan keluarga dalam penulisan khat	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu bapa menyokong hebat dalam pembelajaran penulisan khat
35:08	Menceritakan tentang perkembangan seni khat sebagai pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> • Meletakkan matlamat untuk mengembangkan seni khat sebagai warisan islam • Membuka kedai dan fokus kepada pelanggan
36:55	Menceritakan tentang hasil karya yang telah dimenangi	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak menyimpan hasil karya tersebut tetapi ada beberapa salinan
37:55	Menceritakan tentang motivasi untuk membuka galeri khat dan grafik	<ul style="list-style-type: none"> • Membuka galeri ini kerana tiada yang belum membukanya • Melihat kemampuan untuk menghasilkan pendapatan

		<ul style="list-style-type: none"> • hasil karya sendiri diburukkan oleh orang lain
39:55	Menceritakan tentang perkembangan untuk membangunkan sebuah galeri khat dan grafik	<ul style="list-style-type: none"> • Memerlukan kos yang besar • Mengambil masa selama 10 tahun • Pengalaman dan kemahiran yang dikumpul sejak dari peringkat sekolah
41:19	Menceritakan tentang produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh galeri khat dan grafik	<ul style="list-style-type: none"> • Produk yang dihasilkan berasaskan khat di atas pelbagai lapisan • Harga yang diletakkan berdasarkan kerumitan dan kualiti yang dikeluarkan • Pelanggan terdiri daripada kawan-kawan daripada masjid dan sekolah arab • Perkhidmatan luar pernah dibuat tetapi sekarang tidak sempat
BAHAGIAN 5 : PENGHARGAAN DAN PENCAPAIAN		
43:52	Menceritakan tentang kejayaan di peringkat Sekolah Negeri Kelantan	<ul style="list-style-type: none"> • Memenangi Kejuaraan tiga kali berturut-turut pada tahun 1988,1989,1990 • Mewakili Sekolah Maahad Muhammadi
45:11	Menceritakan tentang menyertai pertandingan antarabangsa di Turki	<ul style="list-style-type: none"> • Pengantar karya sahaja • Terpilih sebagai saguhati • Masih berhubung dengan kenalan dari peserta pertandingan antarabangsa
46:35	Menceritakan tentang keaktifan dalam pertandingan seni khat	<ul style="list-style-type: none"> • Masih aktif menyertai pertandingan • Paling terbaru di tamadun-tamadun islam dan menjadi juara • Mendapat sagu hati dalam penyertaan pertandingan di melaka secara spontan
BAHAGIAN 6 : LAIN-LAIN SOALAN		

47:32	Menceritakan tentang pelibatan diri menjadi juri pertandingan khat dan panel berkaitan khat	<ul style="list-style-type: none"> • Pernah menjadi juri di pelbagai peringkat • Penilai untuk buku yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Negara • Memberi ceramah berkaitan dengan buku yang dikeluarkan • Mengakui ia menjadi salah satu untuk menyebarkan ilmu khat
BAHAGIAN 7 : CABARAN		
48:24	Menceritakan beberapa cabaran dalam penghasilan seni khat	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai masalah dalam ejaan nama yang diminta oleh pelanggan
BAHAGIAN 8 : NASIHAT DAN HARAPAN		
49:53	Harapan terhadap seni khat oleh beliau	<ul style="list-style-type: none"> • Dianggap sebagai ilmu dan seni yang belum diterokai sepenuhnya • Boleh membuka peluang pekerjaan
50:46	Pandangan tentang golongan belia oleh beliau	<ul style="list-style-type: none"> • Menjadi fokus utama untuk mempertahankan seni khat • Cara terbaik untuk memastikan kemahiran seni khat dipelajari
52:33	Impian yang belum tercapai oleh beliau	<ul style="list-style-type: none"> • Berniat untuk menulis Al-Quran
53:49	Nasihat kepada generasi muda oleh beliau	<ul style="list-style-type: none"> • Mengambil kira perkataan saidina Umar tentang rezeki • Orang yang pandai menulis akan menjadi terkenal dalam kalangan orang ramai • Seni khat ini berpotensi menjadi pekerjaan dan perniagaan • Kurang persaingan yang wujud di Kelantan
57:00	Sesi temubual tamat	

DIARI KAJIAN

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
12.00 pm - 2.00 pm	5 Oktober 2023	Kami diberi penerangan oleh pensyarah, Puan Nurulannisa tentang tajuk kajian serta memberikan garis panduan (guideline) di dalam Google Classroom. Puan Nurulannisa mengarahkan pelajar untuk membentuk kumpulan seramai dua orang satu kumpulan.	Membuat catatan seperti yang cara untuk mencari tokoh.
1.00 pm	5 Oktober 2023	Mendapatkan pautan Google Form daripada pensyarah untuk memperoleh surat pengesahan projek pelajar.	Mengisi maklumat tentang projek apa yang dijalankan di dalam borang tersebut.
12.00 pm	15 Oktober 2023	Mendapat surat pengesahan projek pelajar daripada pihak BHEA Kelantan melalui email.	
10.00 am	18 Oktober 2023	Mencari tokoh yang sesuai dengan tajuk kajian untuk temu bual.	
	25 Oktober	Mencari maklumat tokoh di internet dan nombor untuk dihubungi.	Mencari tokoh melalui internet dan artikel serta berjaya mendapatkan no telefon.
9.00 am	6 November 2023	Mendapatkan pengesahan tokoh oleh Puan Nurulannisa	Mendapat persetujuan dari pensyarah untuk meneruskan projek.
1.00 pm	12 November 2023	Menghubungi tokoh melalui aplikasi Whatsapp untuk mendapatkan persetujuan	Mendapatkan tarikh yang sesuai untuk ditemu bual.

		beliau untuk ditemuramah.	
8.00 pm	25 November 2023	Membuat soalan untuk temu bual yang bersesuaian dengan kerjaya tokoh	Mula merangka soalan yang bersesuaian untuk diajukan kepada tokoh
9.00 am	5 December 2023	Mendapatkan pengesahan soalan daripada pensyarah	Berbincang dan membetulkan soalan
10.00 am	7 December 2023	Mendapatkan semula pengesahan soalan daripada pensyarah	Soalan diluluskan oleh pensyarah
2.00 pm	18 December 2023	Temubual bersama tokoh, Ustaz Nik Abdul Rahman Zaki di Galeri Khat dan Grafik, Kota Bharu, Kelantan	Temu bual dijalankan
	25 December 2023	Proses menyiapkan transkrip	
	20 Januari 2024	Transkrip penuh selesai	Transkrip penuh dihantar kepada pensyarah

SENARAI SOALAN

SENARAI SOALAN

1. Latar Belakang

1. Boleh kami tahu nama penuh Ustaz?
2. Berapakah umur Ustaz pada tahun ini?
3. Bagaimanakah ustaz mendapat gelaran sebagai ustaz?
4. Boleh kami tahu nama isteri Ustaz?
5. **Dimanakah Ustaz dilahirkan?**
6. Di manakah Ustaz menetap sekarang?
7. Siapakah nama ibu bapa Ustaz?
8. Berapakah bilangan adik-beradik Ustaz?
9. Ustaz merupakan anak yang keberapa di antara adik-beradik Ustaz?
10. Adakah adik-beradik Ustaz tinggal di kawasan sekitar atau di negeri yang lain sekarang?
11. Berapakah bilangan anak Ustaz?
12. Adakah anak-anak Ustaz masih belajar?
13. Berapakah anak Ustaz yang masih belajar?
14. Apakah pekerjaan anak Ustaz yang bekerja itu?
15. Bilakah Ustaz berkahwin dengan isteri Ustaz?

2. Sejarah Pendidikan

1. Di manakah Ustaz bersekolah rendah dahulu?
2. Mata pelajaran apakah yang Ustaz minat di sekolah rendah?
3. Ustaz sekolah menengah dimana?
4. Adakah Ustaz masih mengingati guru-guru yang telah mengajar Ustaz di sekolah menengah?
5. Adakah Ustaz mempunyai rakan karib semasa berada di sekolah menengah dan sekarang masih berhubung dengan beliau?
6. Adakah Ustaz aktif dalam bidang kesukanan semasa di sekolah rendah dan menengah? Jika ya, apakah sukan tersebut?
7. Tahun berapakah Ustaz tamat pengajian di peringkat sekolah?

8. Adakah kenangan manis yang Ustaz tidak boleh lupa semasa di peringkat sekolah menengah?
9. Apakah cita-cita Ustaz semasa di zaman persekolahan?
10. Seperti yang diberitahu sebelum itu, boleh Ustaz beritahu satu contoh persatuan yang Ustaz aktif pada zaman persekolahan?
11. Selepas tamat zaman persekolahan, dimanakah Ustaz menyambung pelajaran?
12. Apakah tahap tertinggi dalam sejarah pelajaran Ustaz?
13. Apakah jurusan yang Ustaz pilih?
14. Boleh Ustaz ceritakan sedikit perjalanan Ustaz sebagai pelajar?
15. Banyakkah sekolah khat di Mesir ketika itu?

3. Kerjaya Awal

1. Apakah pekerjaan pertama Ustaz selepas tamat belajar?
2. Bilakah Ustaz mendapatkan pekerjaan yang pertama?
3. Adakah terdapat sokongan dan dorongan dari ahli keluarga untuk memilih pekerjaan tersebut?
4. Berapa lamakah Ustaz dalam pekerjaan tersebut?
5. Ustaz ada terlibat dengan pekerjaan lain ke selain pekerjaan tadi?

4. Kejaya Semasa

A. Bidang seni Khat

1. Berapakah jenis khat?
2. Bagaimana proses terciptanya gaya-gaya khat dalam seni tulisan, dan apakah faktor yang mempengaruhi perkembangannya?
3. Daripada mana asal-usul gaya-gaya khat dalam seni khat, dan adakah ia berkait dengan kebudayaan atau agama tertentu?
4. Apakah jenis khat yang paling diminati dan banyak orang berminat untuk mempelajarinya?
5. Apakah ada perbezaan ketara antara gaya khat yang digunakan dalam penulisan jawi dan penulisan Arab?

6. Alat tulis apa yang sesuai digunakan untuk praktik menulis khat, dan adakah terdapat peralatan khusus yang digunakan untuk setiap jenis khat?
7. Berapakah kira-kira harga alat tulis yang diperlukan untuk memulakan pembelajaran menulis khat?
8. Berapa lama biasanya tempoh diperlukan seseorang untuk menjadi mahir dalam menulis khat?
9. Khat manakah paling susah berdasarkan Ustaz?
10. Apa ciri-ciri utama dari khat Thuluth yang dianggap sebagai khat yang mencabar?
11. Mengapa khat Naskh sering menjadi pilihan utama bagi mereka yang baru mula belajar menulis khat?
12. Adakah syarat-syarat tertentu dalam menulis khat dari segi keagamaan?
13. Bolehkah tulisan khat yang sudah ditulis diletakkan di merata tempat?

B. Penulis khat

1. Apakah khat yang pertama Ustaz belajar?
2. Apakah khat yang susah untuk Ustaz kuasai?
3. Berapa lama Ustaz mengambil masa untuk menguasai khat yang susah itu?
4. Bagaimanakah cara Ustaz menguasai khat yang susah itu?
5. Ustaz buat latihan dalam kertas yang kecilkah?
6. Adakah Ustaz memakai pen atau pensil dalam pembelajaran?
7. Apakah peralatan pertama yang digunakan oleh Ustaz untuk menulis khat? Boleh ceritakan mengenainya?
8. Boleh potong ke Ustaz?
9. Siapakah yang menginspirasi Ustaz untuk menyertai bidang khat ini?
10. Siapakah orang yang pertama melihat hasil khat yang Ustaz hasilkan?
11. Siapakah pencabar Ustaz yang pertama dalam belajar khat pada peringkat permulaan?
12. Untuk khat seperti diwani, berapa lamakan untuk mencipta reka bentuk/karya?
13. Adakah ustaz buat reka bentuk sekeliling / border dan berapa lamakah untuk membuatnya?
14. Adakah Ustaz menghasilkan sebuah khat yang bernama isteri Ustaz?
15. Adakah Ustaz sahaja yang meminati seni khat ini dalam kalangan adik beradik Ustaz?

16. Adakah ibu bapa Ustaz memberi sokongan dalam meminati seni khat ini?
17. Adakah ini menjadi titik tolak untuk meneruskan kerjaya sebagai penulis khat?
18. Adakah Ustaz masih menyimpan hasil khat Ustaz semasa memenangi di setiap pertandingan dalam semua peringkat?
19. Tiada yang Ustaz pegang?
20. Kalau nak, kena bayarkan?

C. Galeri khat dan grafik

1. Bagaimana tercetusnya idea untuk Ustaz membuka sebuah galeri khat dan grafik ini?
2. Jadi cabaran ke Ustaz?
3. Berapakah kos untuk membangunkan sebuah galeri khat dan grafik ini?
4. Apakah produk yang dikeluarkan dari galeri ini selain khat yang dipaparkan?
5. Berapakah harga untuk sesebuah seni khat itu?
6. Dalam anggaran satu bulan, berapakah seni khat terjual?
7. Geng-geng sahalalah?
8. Adakah galeri khat ini menawarkan sebarang servis diluar? Jika ada, boleh Ustaz ceritakan?

5. Penghargaan dan Kejuaraan

1. Betulkah Ustaz telah memenangi kejuaraan tiga kali berturut-turut dalam pertandingan khat di peringkat Sekolah Negeri Kelantan pada tahun 1988, 1989, dan 1990?
2. Semasa Ustaz memenangi pertandingan tersebut, Ustaz mewakili sekolah apa?
3. Perasaan Ustaz ketika memenangi pertandingan tersebut?
4. Bagaimana Ustaz mengekalkan momentum untuk menjadi juara untuk tahun berikutnya?
5. Betulkah Ustaz pernah sampai di peringkat internasional di Turki pada tahun 2003?
6. Apakah perasaan Ustaz ketika itu kalau boleh diceritakan?
7. Ketika dalam pertandingan antarangsa itu, Ustaz masih ada kenalan yang masih berhubung?
8. Adakah kawan-kawan yang menyertai pertandingan tersebut merupakan kawan-kawan Ustaz yang belajar di Mesir?.
9. Bilakah pertandingan khat terakhir yang Ustaz sertai, ataupun Ustaz masih aktif lagi?

10. Ustaz ketika pertandingan di Melaka tersebut hanya menghantar karya jugakah?

6. **Lain-lain**

1. Adakah Ustaz menerima jemputan untuk menjadi juri di pertandingan khat di mana-mana peringkat di Malaysia?
2. Selepas itu, Ustaz menjadi penceramah khat untuk guru-guru khat pada tahun 2006. Adakah Ustaz menganggap ia sebagai jalan dalam menyebarkan ilmu khat untuk lebih dikenali?
3. Jadi, disebabkan itulah tercetus Ustaz makin berminat lagi dalam mengembangkan khat?

7. **Cabaran**

1. Apakah peralatan yang sering hilang dan susah untuk dijaga?
2. Apakah ada orang memberi cemuhan kepada Ustaz semasa menyertai mana-mana pertandingan dulu?
3. Apakah masalah yang mungkin berlaku semasa penghasilan seni khat ini?
4. Pernahkan Ustaz mendapat panggilan daripada pelanggan luar negara?

8. **Nasihat dan Harapan**

1. Apakah harapan Ustaz terhadap seni khat pada masa hadapan?
2. Adakah Ustaz percaya bahawa golongan belia akan berminat tentang seni khat ini?
3. Tapi kami jumpa ustaz?
4. Selama menjadi penggiat seni khat, adakah impian yang belum tercapai sampai sekarang?
5. Mengapakah Ustaz merasakan bahawa kesenian khat ini sangat penting untuk diteruskan oleh generasi muda pada masa kini supaya ia tidak lapuk ditelan zaman?
6. Boleh ustaz kongsi nasihat kepada golongan muda atau golongan yang akan berkembang dalam menceburi bidang khat ini?
7. Selain Ustaz, memang tiada pesaing lain?

GLOSSARI

GLOSSARI

- KDN adalah singkatan bagi Kementerian Dalam Negeri, iaitu sebuah kementerian di Malaysia yang bertanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal dalaman negara seperti keselamatan, imigresen, dan pendaftaran penduduk.
- USM adalah singkatan bagi Universiti Sains Malaysia, iaitu sebuah universiti awam di Malaysia yang terletak di Pulau Pinang. USM menawarkan pelbagai program pengajian dalam bidang sains, teknologi, perubatan, dan humaniora.
- KPM adalah singkatan bagi Kementerian Pendidikan Malaysia, iaitu sebuah kementerian di Malaysia yang bertanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal pendidikan di negara ini, termasuk dasar-dasar pendidikan, kurikulum, dan pentadbiran sekolah.

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya NIK. ABD. RAHMAN ZAKI B. NIK. ABDUL KADIR K/P:..... pada
.....dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh NIK. ABD. RAHMAN ZAKI)
Tarikh: 18/12/2023

(Nama Pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)
b.p. Penolong Naib Canselor
Pengajian Sains Maklumat
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik
dan Media
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

GAMBAR

GAMBAR



Rajah 1: Gambar bersama Ustaz Nik Abdul Rahman Zaki




Rajah 2: Gambar penyerahan cenderamata kepada Ustaz Nik Abdul Rahman Zaki



Rajah 3: Gambar Galeri khat dan grafik milik Ustaz Nik Abdul Rahman Zaki



Rajah 4: Gambar ruang hasil karya khat di Galeri grafik dan Khat



Rajah 5: Gambar buku-buku yang dikeluarkan oleh Ustaz Nik Abdul Rahman Zaki



Rajah 4: Gambar karya (bunting) yang dihasilkan di Galeri grafik dan Khat



Rajah 5: Gambar hasil-hasil karya tergantung dihasilkan di Galeri grafik dan Khat



Rajah 6: Hasil karya jenis digital dikeluarkan oleh Ustaz Nik Abdul Rahman Zaki

INDEKS

INDEKS

Indeks

A

Abstrak 5

Al-Quran 5 18 21 22 45 46 52 55

Ayat-ayat Al Quran 52

B

Brunei 15 33

Buku panduan 15

G

Galeri 5 7 34 35 37 47 51 53 58 63

Grafik 5 7 33 34 35 51 53 54 58 63

I

Internet 32 33 57

K

Kelantan 5 7 38 51 54 55 57 58 63

Kedai khat 34

Khat 5 7 14 15 16 19 21 22 23 24 25 26 27 28 29 30 31 32 33 34 35 36 37 38 40 41 42 44 45 46
47 48 51 52 53 54 55

Kota bharu 4 7 51 58

L

Latihan 24 28 38 53 62

M

Maahad 8 11 15 32 35 38 51 53

Masjid 8 22 34 36 54

P

Penulis 5 24 32 46 51

S

Seni khat 5 13 14 15 16 19 20 21 32 33 35 36 38 42 44 45 51 53 54 55 61 62 63 64

Sekolah 8 11 12 13 14 15 17 30 34 35 36 37 38 51 54 60 61 63

Signboard 34 36

T

Tulisan 5 19 20 21 22 23 26 28 29 31 32 33 34 39 46 47 61

W

Warisan islam 33 53